

Fakta nombor

44 PERATUS

Menteri wanita mengetuai Iceland sejak 20 tahun lalu

5 KLUSTER

Fokus kementerian bagi Tahun Memperkasakan Wanita 2018

3 NEGARA

Di Asia iaitu Bangladesh, India dan Filipina tersenarai sebagai wanita berpengaruh



Jika pepatah ada menyatakan setiap lelaki yang berjaya itu mempunyai wanita hebat di belakangnya, ada kalanya jika peribahasa ini diterbalikkan, ia mungkin tidak berlaku kepada semua wanita," katanya.

"Ini termasuk mereka perlu berhadapan dengan kos tinggi untuk penjagaan anak," katanya.

Di Scandinavia seperti Finland dan Norway yang sentiasa gah dalam indeks WEF ini, memberi pelbagai kelebihan kepada wanita dari segi sokongan keluarga.

Berdasarkan Indeks Jurang Jantung Global 2016 dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), mendapati perbezaan antara lelaki dan wanita semakin menurun sahaja dari segi kuasa ekonomi, keupayaan mahupun pendidikan.

Statistik menunjukkan Iceland adalah negara paling menorjol dari segi pencapaian wanita iaitu, sebanyak 44 peratus menteri wanita mengetuai negara berkewangan sejak 20 tahun lalu.

Inilah yang menjadikan wanita Iceland sebagai paling berpengaruh di dunia dari segi politik, ikuti Finland dan Norway.

"Dalam konteks ini, kita memerlukan sistem utuh untuk membangunkan golongan itu.

"Tahun ini seharusnya menjadikan

TARIKH:(M.S.)

Wanita kena lebih berdaya saing

Rebut peluang dengan pelbagai inisiatif majukan diri

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur

Wanita perlu mengambil peluang dengan pelbagai inisiatif untuk majukan diri sejajar dengan Tahun Memperkasakan Wanita 2018 yang memberi tumpuan terhadap lima kluster.

Pensyarah Kanan Program Komunikasi Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Siti Suriani Othman, berkata wanita perlu bangkit walaupun dalam keadaan apa sekali pun bagi memastikan lebih berdaya saing.

"Dalam apa keadaan wanita sama ada mereka rasa terpinggir, kurang pendidikan tinggi, tertekan dengan peningkatan kos hidup dan sebagainya perlulah bangkit

untuk diri sendiri, keluarga dan anak.

"Mungkin mudah bagi wanita berkerjaya dan berkeluarga seperti saya menyatakan hal ini, tetapi situasi itu dianggap sebagai motivasi untuk muncul hebat meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran," katanya.

Beliau mengulas mengenai pengumuman Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Suriani Ahmad terhadap fokus lima kluster bagi Tahun Memperkasakan Wanita 2018.

Harungi getir, usaha keras

Lima kluster itu adalah Kluster Wanita dan Kesihatan (Gaya Hidup, Kecantikan dan Sukan); Kluster Wanita dan Keselamatan; Kluster Wanita dan Ekonomi; Kluster Wanita dan Pendidikan (Latihan dan Pembangunan Kapasiti) dan Kluster Wanita dan Budaya (Kesenian dan Media).

Beliau berkata, hakikatnya ramai wanita yang cemerlang, tetapi kejayaan itu bukan diperoleh dengan mudah.

"Mereka mengharungi getir di samping usaha keras yang tidak kita nampak, hanya jelas apabila

diceritakan selepas berjaya.

"Jika pepatah ada menyatakan setiap lelaki yang berjaya itu mempunyai wanita hebat di belakangnya, ada kalanya jika peribahasa ini diterbalikkan, ia mungkin tidak berlaku kepada semua wanita," katanya.

Pencapaian meningkat

Sementara itu, beliau berkata ratapan pencapaian wanita di peringkat antarabangsa memperlihatkan peningkatan.

Berdasarkan Indeks Jurang Jantung Global 2016 dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), mendapati perbezaan antara lelaki dan wanita semakin menurun sahaja dari segi kuasa ekonomi, keupayaan mahupun pendidikan.

Statistik menunjukkan Iceland adalah negara paling menorjol dari segi pencapaian wanita iaitu, sebanyak 44 peratus menteri wanita mengetuai negara berkewangan sejak 20 tahun lalu.

Ini sekali gus menjadikan wanita Iceland sebagai paling berpengaruh di dunia dari segi politik, ikuti Finland dan Norway.

Di Asia, hanya tiga negara yang tersenarai daripada 25 negara iaitu Bangladesh, India dan Filipina.

Dr Siti Suriani berkata, dalam

pelbagai bidang, salah satu aspek terpenting yang perlu dititikberatkan adalah sokongan terhadap wanita berkeluarga besar dan ibu tunggal.

"Ini termasuk mereka perlu berhadapan dengan kos tinggi untuk penjagaan anak," katanya.

Di Scandinavia seperti Finland dan Norway yang sentiasa gah dalam indeks WEF ini, memberi pelbagai kelebihan kepada wanita dari segi sokongan keluarga.

Antaranya memberi pelbagai peluang pekerjaan dengan waktu jalur kepada wanita, masa yang fleksibel kepada pekerja wanita, kemudahan pusat jagaan anak dalam kawasan tempat kerja dengan kos yang lebih rendah serta cuti bersalin yang panjang.

Justeru, beliau berpendapat negara ini sudah mula bergerak ke arah itu, namun perlu memperbaiki aspek tertentu seperti perlu memberi tumpuan dan sokongan kepada ibu tunggal.

"Dalam konteks ini, kita memerlukan sistem utuh untuk membangunkan golongan itu.

"Tahun ini seharusnya menjadikan pemangkin terhadap kejayaan wanita tidak kira latar belakang, warna kulit dan agama," katanya.

BERITA HARIAN

7/2/18

(M.S.)